

Ujian Diagnostik

Soalan 1 hingga Soalan 8

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang

1 Sudah _____ tahun lamanya,
Pak Rahim bekerja di Belanda.

- A berpuluhan
- B berbulan-bulan
- C berpuluhan-puluhan
- D berminggu-minggu

2 _____ remaja terlibat dengan
gejala sosial kerana kurang perhatian daripada ibu bapa.

- A Suku
- B Separuh
- C Setengah
- D Sesetengah

3 Polis telah berjaya menangkap _____ orang penjenayah yang sangat dikehendaki itu.

- A kedua
- B dua-dua
- C kedua-dua
- D kedua-kedua

4 Baju pengantin itu dibuat _____
kain yang bermutu tinggi.

- A daripada
- B sejak
- C dalam
- D dari

5 Janganlah mudah percaya _____
berita yang tidak tentu kesahihannya.

- A akan
- B kepada
- C dengan
- D tentang

6 Untuk mengatasi masalah kekurangan air
di kawasan tersebut, air telah _____ oleh
pihak berkuasa.

- A dicatuh
- B dikawal
- C dihadkan
- D dibahagikan

7 Malek Maidin _____ nama sebagai
lelaki pertama dari Asia Tenggara yang
berjaya merenangi Selat Inggeris.

- A mengukir
- B menempa
- C menempah
- D membentuk

8 Soalan-soalan yang dikemukakan oleh
pengacara itu hanya untuk _____ akal
para peserta.

- A memikir
- B mencuba
- C menduga
- D merancang

Soalan 9 hingga Soalan 14

9 Para-para peserta diminta berada di padang pada pukul 3.00 petang

- A Para-para
- B berada
- C pada
- D Tiada kesalahan

10 Anda perlu menjawab semua soalan dalam masa satu suku jam

- A menjawab
- B semua
- C satu suku jam
- D Tiada kesalahan

11 Nota itu bertukar tangan daripada Zarida ke Yusri.

- A bertukar
- B daripada
- C ke
- D Tiada kesalahan

12 Tempat itu dikhaskan oleh pelajar tahun pertama sahaja.

- A dikhaskan
- B oleh
- C pertama
- D Tiada kesalahan

13 Hasri melambai-lambaikan tangan sambil senyum kepada ibunya.

- A melambai-lambaikan
- B sambil
- C kepada
- D Tiada kesalahan

14 Helmi terbongkok mencari anak kuncinya yang hilang.

- A terbongkok
- B mencari
- C hilang
- D Tiada kesalahan

Soalan 15 hingga Soalan 20

15 Ribu-ribu orang penonton membanjiri Stadium Nasional,
Bukit Jalil.

- A Beribu-ribu orang penonton
- B Ribuan orang penonton
- C Beribu orang penonton
- D Ribu-ribu orang penonton

16 Para-para pemandu bas mini diingatkan agar mematuhi
undang-undang jalan raya.

- A Para pemandu-pemandu bas mini
- B Para pemandu mini bas
- C Para pemandu bas mini
- D Para-para pemandu bas mini

17 Majlis perasmian bangunan sekolah itu dimulakan
dengan bacaan doa.

- A dimulakan akan bacaan doa
- B dimulakan oleh bacaan doa
- C dimulakan sebagai bacaan doa
- D dimulakan dengan bacaan doa

18 Pelancong itu tanya pada saya jalan menuju ke
Menara Kuala Lumpur.

- A Pelancong itu bertanya pada saya
- B Pelancong itu bertanya kepada saya
- C Pelancong itu menanyakan pada saya
- D Pelancong itu tanya pada saya

19 Razlan terima sepucuk surat daripada rakannya
di Kedah Darul Aman.

- A Razlan berterima sepucuk surat daripada
- B Razlan menerima sepucuk surat daripada
- C Razlan menerima sepucuk surat dari
- D Razlan terima sepucuk surat daripada

20 Cikgu Hasimah mengajarkan bahasa Melayu kepada
pelajar-pelajar di sebuah sekolah antarabangsa .

- A mengajarkan bahasa Melayu pada
- B mengajar bahasa Melayu kepada
- C mengajari bahasa Melayu kepada
- D mengajarkan bahasa Melayu kepada